

05/04/1997

MB mahu ahli Pas amal sikap sederhana

KOTA BHARU, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mahu seluruh ahli Pas, terutama di peringkat bawahan mengamalkan sikap lebih sederhana dan tidak melampau bagi membolehkan kerjasama harmoni antara kerajaan negeri dan Pusat.

Menurutnya, sikap berkenaan amat perlu sesuai dengan kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini hari ini yang disifatkannya sebagai titik tolak bagi mewujudkan kerjasama lebih menyeluruh dengan Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, saranan Perdana Menteri supaya rakyat tidak bersikap melampau seperti ditegaskan dalam ucapannya ketika merasmikan kilang KUB Tekstil di Pengkalan Chepa, pagi tadi sebagai mencerminkan pandangan seorang negarawan.

Menurutnya, saranan itu bukan saja sejajar dengan kehendak Islam, malah seiring dengan amalan demokrasi negara.

"Inilah antara perkara yang amat menarik perhatian saya dengan ucapan Perdana Menteri sempena lawatan beliau di sini hari ini," katanya selepas majlis minum petang bersama Perdana Menteri, di Binjai, dekat sini, petang ini.

Beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri perbezaan fahaman politik tidak seharusnya mewujudkan permusuhan sehingga membawa kepada sikap melampau.

(END)